

**Pembentukan makna tatabahasa dalam struktur
ayat kata kerja *Kāna* (كان)**

***[Formation grammar meaning of the sentence structure
of the verb *Kāna*]***

**Muhammad Arsyad Abdul Majid*, Ibrahim Abdullah, Abdul Azim Isa & Muhammad
Zaidi Zakaria**

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor.

* Penulis Penghubung: Dr. Muhammad Arsyad Bin Abdul Majid, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti
Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. E-mail: muham285@uitm.edu.my.
Telp.: 0122629144, ORCID id: 0000-0001-6079-7443.

Keywords:

*Grammar Meaning,
Sentence Structure, Verbs
Kāna, Equivalent Meaning*

ABSTRACT

Grammar plays a role in determining the meaning of a sentence. In fact, grammatical forms have a variety of meanings based on the context in which they are used. The study of grammar involves examining the function carried out by a single word. This study was conducted to identify the grammatical meaning that exists in the use of Verbal Phrase Predicate (PFK) for kāna verb (KKK) in Arabic sentence structure (BA) and describe the appropriate match for the grammatical meaning that exists in Malay sentence structure (BM). This study was conducted using qualitative method based on library method (text analysis study) in analyzing data. The researcher obtains reference books and scholarly resources as well as reviews past studies related to the research topic to obtain appropriate reference sources. The theoretical framework utilized in this study includes the grammatical meanings inherent in the use of PFK for KKK in the BA sentence structure by al-Sāmīrā'ī (2003) and the component analysis model by Nida (1975) which analyzes the meaning of KKK grammatical references. While the contrastive analysis carried out involves the grammatical meaning contained in the use of KKK in the BA sentence structure and matching the appropriate grammatical meaning in the BM sentence structure. The results of the study found that different grammatical meanings are formed based on the time aspect found in the PFK for KKK in the sentence structure of BA. The results of this study also prove the appropriate match for the grammatical meaning that exists in the BM sentence structure is the verb which consists of aspect auxiliary verbs, variety auxiliary verbs and adverbs. Therefore, translators need to consider the meaning of this grammar in the translation process, so that the matching of the translated meaning is accurate and correct.

Kata Kunci:

*Makna Tatabahasa, Struktur
Ayat, Kata Kerja *Kāna*,
Padanan Makna*

ABSTRAK

Tatabahasa berperanan untuk menentukan makna ayat. Malah, bentuk tatabahasa memiliki kepelbagaian makna berdasarkan kepada konteks penggunaannya. Makna tatabahasa ialah makna fungsi yang digalas oleh sesuatu kata. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti makna tatabahasa yang wujud

dalam penggunaan Predikat Frasa Kerja (PFK) bagi kata kerja *kāna* (KKK) dalam struktur ayat bahasa Arab (BA) dan menghuraikan padanan yang sesuai bagi makna tatabahasa yang wujud tersebut dalam struktur ayat bahasa Melayu (BM). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kepustakaan (Analisis teks) dalam menganalisis data. Melalui kaedah kepustakaan, pengkaji mendapatkan buku rujukan dan sumber berbentuk ilmiah serta meninjau kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian bagi mendapatkan sumber rujukan yang bersesuaian. Kerangka teori yang dimanfaatkan dalam kajian ini merangkumi makna tatabahasa yang wujud dalam penggunaan PFK bagi KKK dalam struktur ayat BA oleh al-Sāmīrā'ī (2003) dan model analisis komponen oleh Nida (1975) yang menganalisis makna rujukan tatabahasa KKK. Manakala analisis kontrasif yang dilaksanakan adalah melibatkan makna tatabahasa yang terkandung dalam penggunaan KKK dalam struktur ayat BA dan padanan makna tatabahasa yang sesuai dalam struktur ayat BM. Hasil kajian mendapati makna tatabahasa yang berbeza terbentuk berdasarkan aspek kala yang terdapat pada PFK bagi KKK dalam struktur ayat BA. Hasil kajian ini juga membuktikan padanan yang sesuai bagi makna tatabahasa yang wujud tersebut dalam struktur ayat BM ialah kata tugas yang terdiri daripada kata bantu aspek, kata bantu ragam dan kata adverba. Oleh hal yang demikian, para penterjemah perlu mempertimbang makna tatabahasa ini dalam proses penterjemahan agar padanan makna yang dihasilkan itu tepat dan betul.

Received: August 25, 2020

Accepted: October 21, 2020

Online Published: December 16, 2020

1. Pendahuluan

Bahasa Arab (BA) sememangnya kaya dengan kosa kata, istilah dan mempunyai tatabahasa yang tersendiri (Mohd Sa'ad, Haji Maming & Zainon Hamzah, 2014). Jelasnya BA mempunyai ciri tatabahasa yang amat berbeza dengan BM, (Abdul Razak & Mohammed Ali, 2014). BM dan BA pada asalnya mempunyai ciri yang amat berbeza kerana kedua-duanya bukanlah berasal dari rumpun bahasa yang sama. BA tergolong dalam rumpun bahasa-bahasa Semit yang terletak di bawahnya juga bahasa-bahasa Aramiah, Finiqiah, Ibriah, Arab Lama Selatan dan Babiliah (Badī' Ya'qūb, 1982). BM pula tergolong dalam rumpun bahasa-bahasa Austronesia yang merupakan satu cabang daripada cabang-cabang bahasa Austris (Hussein, 1981).

Tatabahasa berperanan untuk menentukan makna ayat. Malah, bentuk tatabahasa memiliki kepelbagaian makna berdasarkan kepada konteks penggunaannya. Makna tatabahasa ialah makna fungsi yang digalas oleh sesuatu kata. Dalam semua bahasa, kata atau perkataan dapat disusun untuk membentuk ayat, dan makna ayat bergantung pada makna perkataan yang terdapat dalam ayat tersebut (Kempson, 1991). Susunan kata yang membentuk ayat digelar struktur. Jadi, ayat terbentuk disebabkan oleh adanya susunan atau struktur. Oleh hal demikian, sesuatu deretan kata yang tidak tersusun dan tidak berstruktur bukanlah ayat (Nik Ab Kadir, 2003).

Tatabahasa dalam BA melibatkan struktur perkataan [الكلمة], morfologi (binaan kata) [الصرف], sintaksis (binaan ayat) [النحو] dan struktur ayat [الكلام]. BA mempunyai kaedah analisis struktur ayat (i'rab) yang sempurna. Analisis ini digambarkan dalam bentuk perubahan baris-baris akhir perkataan hasil daripada perubahan struktur frasa atau fungsian perkataan itu sendiri. Perubahan i'rab ini akan memberikan kesan kepada perubahan maksud perkataan dalam sesuatu susunan ayat. Analisis bahasa dan perubahan struktur frasa ini tidak terdapat dalam mana-mana bahasa di dunia. Unsur tatabahasa juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan pemahaman yang baik dan tepat, terutamanya dua unsur asas binaan ayat, iaitu subjek dan predikat.

Ia dikenali sebagai muftada' dan khabar pada ayat nominal atau kata kerja dan pelaku pada ayat verbal (°Umar, 2011).

Secara umumnya sintaksis adalah bidang yang mengkaji ayat-ayat, unsur-unsur yang terdapat di dalamnya dan jenis-jenisnya serta bentuk dan ragamnya. Manakala, semantik dalam hal ini sangat penting kerana ayat gramatis dari segi binaannya memerlukan makna yang lengkap (Musnif, 1999). Lantaran itu, terdapat keperluan untuk memahami aspek sintaksis-semantik struktur ayat bahasa BA (Muhamad & Che Mat, 2010).

Menurut Abdul Ghani (2010), unsur kosa kata, sintaksis dan struktur ayat merupakan antara faktor utama yang menentukan tahap kebolehbacaan dan kefahaman terhadap teks selain daripada faktor pembaca. Norazman (2006) pula menyatakan masalah utama pelajar dalam pembacaan teks ialah kelemahan mereka membaca dengan kaedah tatabahasa Arab yang betul dari segi tanda baris dan tanda i'rab. Manakala, Nik Farhan (2011) merumuskan bahawa salah satu faktor yang membantu pembaca memahami teks dengan baik ialah penguasaan ilmu bahasa dan ilmu tatabahasa yang terdiri daripada sintaksis dan morfologi.

Al-Hamlāwī (2003) pula menyebut bahawa setiap imbuhan yang memasuki sesuatu kata akar akan membawa fungsi dan makna yang tertentu. Sulaiman (2011) juga menjelaskan bahawa setiap imbuhan apabila diteliti dengan mendalam satu persatu, ia akan mengetengahkan makna serta maksud tersendiri dan seterusnya mendominasi makna huruf imbuhan tersebut. Bahkan al-Rājihī (2008) menyebut bahawa proses ini turut menghasilkan makna baharu berdasarkan konteks yang tertentu. °Abd al-Wahīd (1997) menjelaskan bahawa peluasan makna baharu ini ditemui melalui kata imbuhan yang memasuki sesuatu kata akar sebagai kata kerjanya. Menurut Ismail (2003), kata imbuhan tersebut membawa banyak makna tersirat dalam membentuk sesuatu kata kerja berimbuhan melalui wazan atau pola yang tertentu.

Fungsi morfologi daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran berperanan dalam menentukan padanan makna yang betul. Padanan makna ini pula amat berkait rapat dengan kata kerja berimbuhan kerana kata kerja ini terbentuk daripada gabungan kata akar dengan kata imbuhan (Abdul Manaf, Shamsul Kamar, Mohamad & Hussin, 2020). Proses pengimbuhan huruf dalam BA kepada kata akar membentuk kata kerja berimbuhan yang mengandungi banyak fungsi dan makna baharu. Imbuhan ini diterbitkan semula ke dalam BM samada dalam bentuk imbuhan atau penambahan perkataan untuk digabungkan dengan kata akarnya bagi membentuk kata kerja berimbuhan yang baharu (Abdul Manaf, Hussin & Ahmad, 2018).

Kata partikel tidak berfungsi sama sekali jika diletak bersendirian dalam ayat. Waryanto (2012) telah mengkaji mengenai partikel [ب] mendapati bahawa partikel ini seperti juga yang lain tidak mempunyai fungsi dalam sesuatu ayat kecuali bergabung dengan kata kerja atau kata nama. Menurut Fachruzi (2016) terdapat hubungan antara partikel dengan perkataan-perkataan lain dalam ayat. Dalam setiap kata partikel, memberi fungsi dan makna yang pelbagai bergantung kepada makna yang ingin disampaikan. Makna bukan hanya lahir daripada bentuk semata-mata tetapi juga hubungan kata tersebut dengan kata-kata lain (Abdul Wahid, 2012).

Yuqi zhuci ialah kata abstrak bahasa Cina dan merupakan elemen tatabahasa yang mendukung fungsi tatabahasa dan lazimnya digunakan pada penghujung ayat. Ia mempunyai pelbagai fungsi yang mempengaruhi makna teks. Tuntasnya, walaupun *yuqi zhuci* tipikal tidak mendukung makna rujukan yang khusus sepertimana kata konkrit, namun pemindahan fungsinya ke dalam teks sasaran tetap perlu ditangani dengan berpeda-pada. Hal ini demikian kerana makna tatabahasa yang ada pada *yuqi zhuci* tipikal dapat memberikan kesan yang signifikan dalam penyampaian semula mesej daripada teks sumber kepada teks sasaran (Jennica & Goh, 2017).

Makna dapat dipindahkan daripada satu bahasa kepada bahasa lain melalui pelbagai cara, misalnya melalui penggunaan kata-kata tertentu, susunan perkataan dalam ayat dan unsur tatabahasa. Elemen tatabahasa yang dapat mempengaruhi makna perlu diberikan perhatian khusus dalam proses penterjemahan (Haroon & Che Omar, 2016).

Preposisi Arab memainkan peranan yang sangat penting dalam frasa ayat. Kemunculannya dalam ayat boleh mempengaruhi makna, struktur dan aspek fungsian tatabahasa. Preposisi Arab menyumbang kepada makna yang pelbagai dalam sesuatu ayat (Mohd Sa'ad, Haji Maming, & Zainon Hamzah, 2014). Terdapat beberapa preposisi Arab yang memiliki fungsi makna yang lebih daripada satu. Namun pembaca atau penterjemah perlu mengetahui makna utama bagi setiap preposisi tersebut sebelum memahami penggunaan makna yang lain (Muhamad & Che Mat, 2010). Pemahaman yang signifikan mengenai penggunaan preposisi Arab dapat memperhalusi makna dan keindahan binaan ayat BA dan wacananya (Mohd Sa'ad, Haji Maming & Zainon Hamzah, 2014).

Frasa merupakan bahagian daripada ayat yang mempunyai satu kombinasi makna tertentu. Aspek penyandaran adalah penting bagi suatu perkataan bagi menyempurnakan makna suatu ayat. Frasa membentuk binaan dan melengkapkan makna ayat BA sehingga maksud keseluruhannya dapat difahami. Maka, jelas bahawa frasa di sini merupakan binaan asas suatu konstruksi ayat dalam BA. Frasa *Idafah* bertujuan untuk

memberi makna yang lebih khusus terhadap sesuatu perkataan (Sjahrony & Ahmad, 2013). Kempson (1991) menyebut bahawa perkataan tidak mempunyai makna tunggal tetapi lebih bersifat sekelompok komponen makna.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini akan mengkaji dan membahaskan apakah makna tatabahasa yang wujud dalam penggunaan kata kerja *kāna* (KKK) dalam struktur ayat bahasa Arab (BA) dan apakah padanan yang sesuai bagi makna tatabahasa yang wujud tersebut dalam struktur ayat bahasa Melayu (BM) dengan menggunakan pendekatan analisis kontrastif. Kajian ini hanya akan mengkaji kesan makna tatabahasa yang terhasil dari penggunaan KKK dalam struktur ayat BA terhadap makna dalam binaan struktur ayat BM bagi memastikan padanan yang sesuai bagi makna tatabahasa yang wujud tersebut.

Kerangka teori yang dimanfaatkan dalam kajian ini merangkumi makna tatabahasa Predikat Frasa Kerja (PFK) bagi KKK dalam ayat BA oleh al-Sāmīrā'ī (2003) dan model analisis komponen oleh Nida (1975) yang menganalisis makna rujukan tatabahasa KKK dengan pemberian fitur secara nilai binari, iaitu tanda (+) yang merujuk pada fitur yang dimiliki dan tanda (-) yang merujuk pada fitur tidak dimiliki. Dalam melakukan analisis komponen ini, rujukan makna perlu dikenali pasti dengan pemberian fitur yang perlu dan signifikan bagi membezakan antara makna tatabahasa sesuatu kata dengan makna tatabahasa sesuatu kata yang lain. Pemberian fitur ini akan menentukan makna kata yang berada dalam medan makna yang sama.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kepustakaan (analisis teks) dalam menganalisis data. Melalui kaedah kepustakaan, pengkaji mendapatkan buku rujukan dan sumber berbentuk ilmiah serta meninjau kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian bagi mendapatkan sumber rujukan yang bersesuaian.

Data yang diperolehi dengan cara membaca, menyemak, mengidentifikasi dan mengklasifikasi makna tatabahasa yang wujud dalam PFK bagi KKK BA yang terdapat dalam ilmu nahu oleh al-Sāmīrā'ī (2003). Data yang dianalisis sepenuhnya berasal dari ayat BA yang melibatkan penggunaan KKK yang dipilih. Proses seterusnya ialah proses analisis data. Proses analisis ini akan dilaksanakan berdasarkan model analisis komponen yang diperkenalkan oleh Nida (1975). Data ini kemudian dianalisis untuk mendapatkan hasil yang sesuai dengan masalah dan tujuan dalam kajian ini. Bentuk analisis yang digunakan ialah analisis kandungan, analisis kontrastif dan analisis deskriptif.

Analisis kandungan terlibat dalam proses analisis data untuk kajian ini. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisa data yang telah didapati dan menginterpretasikan data tersebut kepada info yang bermakna Mohd. Tobi (2017). Dalam konteks kajian ini analisis kandungan dijalankan terhadap makna tatabahasa yang terbentuk dalam penggunaan jenis kala kata kerja PFK bagi KKK dalam struktur ayat BA.

Mengikut konteks kajian ini, analisis kontrastif yang dilaksanakan adalah melibatkan makna tatabahasa yang terkandung dalam penggunaan KKK dalam struktur ayat BA dan padanan makna tatabahasa yang sesuai dalam struktur ayat BM. Melalui analisis kontrastif pengkaji cuba mencari padanan makna yang tepat dan jelas bagi makna tatabahasa yang terkandung dalam penggunaan KKK dalam struktur ayat BA dengan penggunaan makna tersebut dalam bahasa yang dibandingkan iaitu struktur ayat BM agar maksud ayat yang tepat terhasil. Hal ini terjadi dengan membuat perbandingan penggunaan makna tatabahasa tersebut dalam struktur ayat yang telah ditentukan antara dua bahasa. Bagi kaedah analisis dan perbandingan teks pula, pengkaji mempraktikkan prosedur yang berikut:

- i. Membaca, mengenal pasti serta menganalisis makna PFK bagi KKK dalam ayat BA oleh al-Sāmīrā'ī (2003)
- ii. Mengaplikasi kaedah analisis komponen makna oleh Nida (1975) dalam menjelaskan pembentukan makna tatabahasa yang wujud dalam struktur ayat KKK
- iii. Menggunakan analisis kontrastif dalam mencari padanan yang sesuai bagi makna tatabahasa tersebut dalam struktur ayat BM
- iv. Menghurai hasil dapatan menggunakan analisis deskriptif

Hasil daripada analisis data, satu rumusan dapatan akan dibuat dengan menggunakan analisis deskriptif untuk menghuraikan pembentukan makna tatabahasa dalam struktur ayat KKK dan padanan makna yang sesuai dalam struktur ayat BM.

3. Kajian Literatur

Kajian ini menganalisis dua topik penting yang menjadi asas perbincangan iaitu makna tatabahasa dan kata kerja *Kāna* (KKK).

3.1 Makna Tatabahasa

Makna tatabahasa itu terdapat, pertama dalam pola-pola susunan perkataan dalam ayat. Oleh itu, susunan perkataan yang berbeza mencipta makna yang berbeza. Susunan ayat *Kucing mengejar anjing* mempunyai makna yang sangat berbeza dengan ayat *Anjing mengejar kucing*. Keadaan ini demikian kerana susunan ayat yang berbeza dengan unsur-unsur perkataan yang sama mungkin menimbulkan makna yang berbeza (Musanif, 2001).

Sementara itu, hal yang sama dinyatakan oleh Nathesan (2001) bahawa perkataan yang sama dalam sesuatu ayat akan membawa makna yang berbeza-beza ketika disusun secara berlainan. Maksud sesuatu ayat BM bergantung sepenuhnya kepada susunan atau urutan perkataan dalam sesuatu ayat. Perhatikan contoh ayat di bawah:

- i. Isteri saya mempunyai teman baharu
- ii. Teman saya mempunyai isteri baharu
- iii. Isteri baharu saya mempunyai teman

Ayat-ayat di atas, walaupun dibina oleh bentuk dan jumlah perkataan yang sama, namun masing-masing tidak mendukung makna yang sama. Ayat-ayat tersebut mendukung makna yang berbeza kerana ayat-ayat tersebut disusun dengan cara yang berlainan. Nyata bahawa setiap perkataan membawa makna yang berlainan, bergantung pada kedudukannya dalam ayat. Bagaimanapun adakalanya susunan perkataan yang berbeza tidak menimbulkan perbezaan makna seperti ayat *Semalam dia pergi ke kedai* dengan *Dia pergi ke kedai semalam* (Musanif, 2001).

Binaan yang berbeza-beza boleh jadi mempunyai makna yang sama. Misalnya, makna yang terdapat dalam binaan ayat *Ali memukul Ahmad* dengan ayat *Ahmad dipukul oleh Ali* adalah serupa. Dari segi tatabahasa, kedua-dua binaan di atas adalah berbeza. Namun demikian, hubungan makna dalam binaan-binaan itu tidak berubah. Tetapi yang berubah adalah fokus pada binaan-binaan itu (Musanif, 1999).

Ayat aktif mempunyai makna yang berbeza sedikit daripada makna ayat pasif meskipun makna konseptual adalah sama. Dalam ayat *Ali menjaringkan gol tersebut*, penegasan diberikan terhadap pelaku perbuatan tersebut kerana hal itulah yang menjadi penting dalam ayat itu. Sementara itu, dalam ayat *Gol tersebut dijaringkan oleh Ali*, fokusnya adalah pada hasil perbuatan itu, iaitu jaringan gol, dan bukannya penjaring gol tersebut, iaitu Ali (Nathesan, 2001).

Kedua, makna tatabahasa terdapat pada perkataan-perkataan yang hadir dalam ayat itu. Dengan itu, makna ayat *Ali dicari bapanya* dengan ayat *Ali mencari bapanya* berbeza kerana kehadiran penambahan *di* dan *men* pada ayat-ayat itu. Makna-makna dalam ayat itu bergantung pada hubungan antara satu perkataan dengan perkataan-perkataan yang hadir bersama-sama dalam ayat. Hal ini membuktikan struktur tatabahasa yang serupa mungkin mengandungi makna yang berbeza. Binaan-binaan yang serupa tatabahasanya belum tentu serupa maknanya (Hassan & Mohd, 2001).

Hubungan antara nahu atau tatabahasa dengan makna sangat penting dalam penyusunan ayat-ayat sesuatu bahasa kerana ayat yang betul itu terdiri dari ayat-ayat yang cukup syaratnya dari segi tatabahasa dan membawa makna penuh. Contoh, ayat *Ali minum air*. Ayat ini cukup syarat tatabahasa dan mengandungi makna. Tetapi lihat pula ayat *Ali minum angin*. Ayat ini mempunyai *angin* sebagai penyambut bagi kata kerja *minum*. *Angin* tidak boleh diminum, tetapi hanya boleh disedut. Walau bagaimanapun *angin* dan *air* adalah dari jenis kata nama. Oleh itu ayat ini cukup syarat dari segi tatabahasa, tetapi tidak bermakna. Jadi ayat itu menyimpang. Ayat yang sempurna mestilah memenuhi kedua-dua syarat, nahu dan makna (Hassan, 1984).

Tatabahasa merupakan salah satu komponen yang amat penting dalam menentukan dan menggunakan makna perkataan. Hubungan antara tatabahasa dengan makna ini telah disentuh oleh Nathesan (2001) yang

mengandaikan bahawa seseorang tidak mungkin dapat menghasilkan ayat atau ujaran yang tepat tanpa membawa kedua-dua unsur ini bersama.

Hal yang berbeza diperhatikan dalam BA. Maksud sesuatu ayat tidaklah bergantung sepenuhnya kepada susunan ataupun urutan perkataan. Makna ayat dan perenggan tidak sepadan secara sepenuhnya dengan makna kosa katanya, sebaliknya terdiri daripada makna-makna kosa kata dan ditambah dengan makna struktur tatabahasa yang terhasil, yang menyerap masuk dalam perkataan-perkataan ini. Peranan fleksi atau *i'rab* (*desinential inflection*) yang menentukan tugas nahuin kepada setiap lafaz atau kata (Ibrahim, 1990) sehingga lafaz-lafaz tersebut mempunyai identiti tersendiri yang dapat dikenal pasti dalam setiap ayat walaupun dalam konstituen yang berbeza.

Sebagai contoh kita ambil tiga perkataan [الثَّغْلَبَ] (serigala), [الأرْتَبَ] (arnab) dan [رَأَى] (telah melihat). Kosa-kosa kata ini mempunyai makna yang tertentu. Perkataan [الثَّغْلَبَ] (serigala) dan [الأرْتَبَ] (arnab) menunjukkan kepada haiwan, manakala perkataan [رَأَى] (telah melihat) menunjukkan peristiwa dalam kehidupan yang realiti. Makna-makna ini dinamakan makna-makna leksikal. Walau bagaimanapun perkataan-perkataan ini memperolehi makna tambahan ketika penggunaannya dalam ragam-ragam tatabahasa yang tertentu. Sebagai contoh:

رَأَى الأَرْتَبُ الثَّغْلَبَ

(Arnab telah melihat serigala)

dan

رَأَى الثَّغْلَبُ الأَرْتَبَ

(Serigala telah melihat arnab)

Ayat pertama berbeza dengan ayat kedua dari segi makna. Perbezaan ini disebabkan oleh perbezaan struktur tatabahasa yang digunakan oleh perkataan-perkataan ini. Dalam ayat yang pertama [الأرْتَبَ] (arnab) ialah pelaku dari segi struktur tatabahasa. Ia mempunyai makna yang berbeza dengan maksud objek yang berada pada kedudukan [الأرْتَبَ] (arnab) dalam ayat yang kedua. Begitu juga halnya dengan perkataan [الثَّغْلَبَ] (serigala). Ia merupakan objek dalam ayat yang pertama dan pelaku dalam ayat yang kedua. Sekiranya kita menukar kedudukan kata kerja menjadi:

الأَرْتَبُ رَأَى الثَّغْلَبَ

(Arnab telah melihat serigala)

Makna ayat ini berbeza dalam beberapa perkara dengan dua ayat yang sebelumnya. Hubungan tatabahasa ini (pelaku, objek, kata kerja) mempunyai makna-makna yang tertentu. Di samping itu, Lyons membahagikan makna kepada dua kategori yang penting (Mohd. Yusoff, 1999), iaitu:

- i. Makna kosa kata atau makna leksikal: iaitu makna yang dapat dihubungkan dengan makna rujukan berdasarkan kamus atau makna perkataan yang terlepas daripada hubungannya dengan perkataan lain dalam binaan ayat.
- ii. Makna gramatikal atau makna linguistik: iaitu makna berdasarkan binaan ayat. Makna tersebut menghubungkan unsur ini dengan jenis perkataan lain yang melibatkan perbezaan antara subjek dengan objek, pertentangan ketentuan, kala dan bilangan, perbezaan antara kenyataan, pertanyaan dan permintaan. Ia bersifat tertutup.

Nida (1996) pula menghuraikan tiga jenis makna yang mempengaruhi kebolehubahan bahasa, iaitu:

- i. Makna kognitif atau rujukan; iaitu makna yang merujuk fitur luaran bahasa.
- ii. Makna tatabahasa; iaitu makna yang melibatkan fitur bahasa itu sendiri atau lebih jelas, ia adalah satu pemerian tentang perhubungan antara unit lisan.

- iii. Makna emotif; iaitu makna yang melibatkan jenis dan darjah reaksi emosi terhadap ungkapan bahasa. Ia berhubung dengan cara sesuatu struktur menyatakan maknanya secara khusus dalam wacana sebenar.

Nathesan (1997, 531-532) menegaskan bahawa:

“Semantik menjadi amat penting dalam tatabahasa, dan tanpanya, kita mungkin dapat membina atau melafazkan ayat atau ujaran yang tepat dari segi rumus-rumusny tetapi tidak tepat dari segi semantik ... ayat-ayat mesti mendukung makna semantik, selain mempunyai struktur ayat yang gramatis supaya dapat diterima sebagai ayat yang tepat.”

Wahab (1983, 471) turut menyatakan hal yang sama:

“Yang menjadi kriteria bagi kesempurnaan ayat sebagai suatu unit bahasa yang gramatis ialah bentuknya yang sempurna dari sudut sintaksis dan maknanya yang sempurna dari sudut semantik. Tiadalah sempurna sesuatu ujaran itu sebagai ayat, jika bentuknya saja yang sempurna ataupun hanya maknanya saja yang sempurna.”

Malah, salah satu punca yang mencacatkan mutu terjemahan ialah apabila penterjemah tidak mematuhi aturan-aturan bahasa Melayu. Ada orang yang menyangka hanya perkataan yang mempunyai makna. Hal ini tidak benar. Perlu selalu diingat bahawa tatabahasa mempunyai makna. Apabila tatabahasanya salah, makna ayat akan salah. Ayat *Dia gila perempuan* dengan ayat *Dia perempuan gila* mempunyai makna yang sangat berlainan semata-mata kerana tatabahasa kedua-dua ayat itu berbeza (Hassan & Mohd, 2001, 200).

Hal yang sama turut dinyatakan oleh ahli sarjana BA, antaranya ialah ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy (1992). Menurutnya, susunan perkataan dalam struktur ayat akan diikuti dengan kesan dari segi makna. Susunan ini adalah mengikut suasana makna dan keutamaan pada ketika itu. Malah susunan perkataan dalam struktur ayat dalam kalangan ahli BA dianggap sebagai satu seni yang sangat diberi perhatian. Struktur ayat bukan sekadar mempunyai judul dan cerita, tetapi ia juga perlu ada unsur nahu dan makna bagi memastikan susun letak perkataan-perkataan yang membentuk ayat ialah susunan yang logik.

3.2 Kata Kerja Kāna [كان] (KKK)

Definisi kata kerja ialah *“Sesuatu yang menunjukkan makna entitinya dan terikat dengan aspek waktu”* (Ibn ‘Aqil 2004; al-Jurjānī, 1992; al-Suyūṭī 1998). Kata kerja boleh berubah dari aspek fonologi dan morfologinya berdasarkan waktu, iaitu kala lampau, kala kini dan kala mendatang. Perubahan yang dimaksudkan ini adalah berdasarkan sistem morfologi kerana BA ialah bahasa fleksi iaitu pola yang telah disepakati oleh ahli BA.

Kata kerja BA yang boleh membentuk ayat kata kerja mestilah kata kerja sempurna dan menerangkan kejadian peristiwa (al-Rājīhī, 2008). Ia boleh hadir dalam pola transitif seperti ayat [شَرِبَ عَلِيٌّ الشَّايَ] (Ali telah minum teh) dan tak transitif seperti ayat [جَلَسَ مُحَمَّدٌ] (Muhammad telah duduk).

Kebanyakan sarjana nahu antaranya Ibn Ya‘ish berpendapat bahawa KKK tidak mempunyai unsur peristiwa sebaliknya hanya memiliki unsur waktu. Ini berbeza dengan kata kerja (KK) biasa yang menunjukkan unsur masa dan unsur peristiwa dalam waktu yang sama (al-Sāmīrā’ī, 2003). Sebagai contoh KK *ḍaraba* [ضَرَبَ] (telah) menunjukkan unsur peristiwa iaitu pukul dan unsur masa iaitu *telah*. Unsur masa ini berperanan seperti kata bantu aspek *telah* dalam BM. Pola kata kerja *kāna* [كَانَ] digunakan bagi menunjukkan masa yang telah berlalu, manakala pola kata kerja *yakūn* [يَكُونُ] menunjukkan masa kini atau masa akan datang. Oleh sebab yang demikian, KKK ini dalam BA disebut sebagai kata kerja *nāqis* [نَاقِص] yang bermaksud kata kerja yang mempunyai kekurangan.

KKK yang terdapat dalam ayat tidak sahaja memerlukan kata nama nominatif yang berperanan sebagai pelaku tetapi turut memerlukan kata nama atau kata yang sesuai sebagai predikatnya. Pada ayat KKK ini terdapat kata nama berkasus nominatif dan predikat atau kata yang sesuai sebagai predikatnya berkasus akusatif. Contoh:

كَانَ الطَّالِبُ صَادِقًا

Pelajar itu ialah seorang yang jujur

Pada contoh di atas KKK memerlukan kata nama iaitu [الطَّالِبُ] (pelajar) berkasus nominatif dan predikatnya [صَادِقًا] (orang yang jujur) berkasus akusatif. KKK tidak cukup dengan kata namanya sahaja kerana ayat tersebut menjadi tidak berfaedah kerana makna ayat tersebut tidak sempurna.

Predikat kata kerja *kāna* (PKKK) ada yang terdiri daripada ayat. Sama ada predikat berbentuk ayat kerjaan atau ayat namaan. Apabila PKKK berbentuk ayat kerjaan maka unsur pengisi bagi fungsi predikat kata kerja tersebut ialah kata kerja dan pelaku. Contoh:

كَانَ مُحَمَّدٌ يَذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

Muhammad pergi ke sekolah

PKKK merupakan ayat kerjaan yang terdiri daripada KK kala kini [يَذْهَبُ] (pergi) dan pelaku kata ganti nama tersembunyi iaitu [هُوَ] (dia). Kata nama bagi KKK tersebut ialah kata nama *mufrad* [مُحَمَّدٌ] (Muhammad). Sementara itu, jika PKKK tersebut merupakan ayat namaan maka pengisi fungsi predikat kata kerja itu ialah subjek dan predikat yang menduduki posisi akusatif. Contoh:

كَانَ الشِّتَاءُ بَرْدَهُ شَدِيدًا

Musim sejuk sangat sejuk

PKKK merupakan ayat namaan [بَرْدَهُ شَدِيدًا] (kesejukannya bersangatan) yang terdiri daripada fungsi subjek [بَرْدَهُ] (kesejukannya) dan predikat [شَدِيدًا] (bersangatan). Ayat namaan itu menepati posisi akusatif sebagai PKKK. PKKK boleh juga terbentuk daripada frasa sendi yang terdiri daripada partikel *jar* dan kata nama *majrūr* atau frasa keterangan sama ada frasa keterangan masa atau frasa keterangan tempat. Contoh:

كَانَ الْأُسْتَاذُ فِي الْفَصْلِ

Ustaz itu berada di dalam kelas

Pada contoh di atas, predikat kata kerja *kāna* terdiri daripada frasa sendi [فِي الْفَصْلِ] (di dalam kelas), sedangkan kata nama *mufrad* [الْأُسْتَاذُ] (Ustaz itu) berkasus nominatif.

4. Perbincangan

KKK ialah kata kerja kala lampau yang tidak lengkap dan disebut dalam BA sebagai kata kerja *nāqish* [الفعل الناقص]. Kata kerja ini tidak sekadar membawa makna aspek kala lampau iaitu peristiwa yang telah berlaku tetapi turut berkemungkinan membawa makna yang lain. Pendapat ini menjadi pegangan sebahagian besar ahli sarjana nahu (al-Sāmīrā'ī, 2003). Fokus kajian ini tertumpu kepada makna tatabahasa yang wujud dalam penggunaan KKK terhadap PFK dalam ayat BA. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada tiga penggunaan KKK iaitu:

- i. KKK [كان] + PFK kala lampau [فعل]
- ii. KKK [كان] + PFK kala kini [يفعل]
- iii. KKK [كان] + PFK kala kini + partikel [سيفعل]

i. Makna KKK + PFK Kala Lampau

Pola Frasa Kerja *Kāna* (FKK) ini memberi maksud kata kerja masa lampau yang telah berlalu dan berlaku sekali sahaja dan tidak bersifat tetap (al-Sāmīrā'ī, 2003). Ini menyebabkan kata nama *kāna* (KNK) bersifat dengan peristiwa itu secara tidak kekal. Hal ini terjadi sekiranya PFK tersebut ialah kata kerja kala lampau. Sebagai contoh:

كَانَ مُحَمَّدٌ كَتَبَ فِي هَذَا الْأَمْرِ.

Glos: Telah Muhammad telah menulis perkara ini.

Makna: Muhammad pernah menulis perkara ini.

Hal ini menunjukkan peristiwa menulis perkara tersebut berlaku sekali dan peristiwa itu tidak kekal dan telah berlalu. Oleh itu, terdapat perbezaan dari segi makna pada penggunaan KKK dalam ayat [كَانَ مُحَمَّدٌ كَاتِبًا] dan [كَانَ مُحَمَّدٌ كَتَبَ فِي هَذَا الْأَمْرِ]. Ayat pertama menunjukkan sifat yang kekal iaitu Muhammad penulis dan dia kekal bersifat sebagai penulis. Manakala menurut al-Sāmīrā'ī (2003, 192) ayat yang kedua menunjukkan seseorang yang telah melakukan perbuatan itu sekali iaitu Muhammad pernah menulis perkara ini sekali. Hal yang sebaliknya dapat kita perhatikan dalam ayat [كَانَ زَيْدٌ عَامِلًا فِي الْمَصْنَعِ] iaitu *Zaid pekerja di kilang itu* dan dia kekal bersifat sebagai *pekerja*, manakala ayat [كَانَ زَيْدٌ عَمِلَ فِي الْمَصْنَعِ] iaitu sifat itu berlaku sekali pada Zaid. Lantaran itu, ayat tersebut bermaksud *Zaid pernah bekerja di kilang itu*. Sementara itu, struktur KKK + PFK Kala Lampau menunjukkan masa lampau yang jauh dan terputus (Kamal, 2008).

Oleh hal yang demikian, apabila proses analisis komponen makna dilakukan, padanan kata kerja [كان] dalam ayat [كَانَ مُحَمَّدٌ كَتَبَ فِي هَذَا الْأَمْرِ] mengandungi fitur [+ kala lampau, - kala kini], [+ terputus, - berterusan] dan [+ jauh, - dekat]. Dengan ini dicadangkan padanan bagi KKK ialah kata bantu aspek *pernah*. Berdasarkan pendapat Haji Omar (2008) kata bantu aspek ialah kata kerja yang memberi tumpuan kepada berlangsungnya sesuatu perbuatan atau keadaan dalam peredaran masa. Kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa, iaitu sama ada masa lampau, masa kini atau masa hadapan. Perkataan *pernah* tergolong dalam kata bantu aspek masa lampau. Menurut *Kamus Dewan* (2005), perkataan *pernah* bermaksud sudah ada mengalami (melakukan, melihat, merasai, dan lain-lain), sudah berlaku. Kata bantu aspek *telah* dan *pernah* boleh hadir bersama-sama dalam struktur ayat BM (Karim et al., 2008). Manakala perkataan *sekali* tidak perlu dinyatakan dalam padanan BM kerana berdasarkan maksud yang dinyatakan dalam kamus *belum pernah* atau *tidak pernah* bermaksud belum sekalipun. Oleh itu, maksud ayat [كَانَ مُحَمَّدٌ كَتَبَ فِي هَذَا الْأَمْرِ] lebih sesuai dinyatakan sebagai *Muhammad pernah menulis perkara ini* atau *Muhammad telah pernah menulis perkara ini* dengan mempertimbangkan unsur kala yang terdapat pada kedua-dua kata kerja tersebut.

Hal yang sama turut berlaku pada ayat [كَانَ زَيْدٌ عَمِلَ فِي الْمَصْنَعِ]. Analisis komponen makna yang dilakukan memperlihatkan bahawa KKK mengandungi fitur [+ kala lampau, - kala kini], [+ terputus, - berterusan] dan [+ jauh, - dekat]. Dengan ini dicadangkan padanan bagi KKK ialah kata bantu aspek *pernah*. Oleh itu, maksud ayat [كَانَ زَيْدٌ عَمِلَ فِي الْمَصْنَعِ] lebih sesuai dinyatakan sebagai *Zaid pernah bekerja di kilang itu* atau *Zaid telah pernah bekerja di kilang itu*.

Jadual 1. Pembentukan Makna Tatabahasa Dalam Struktur Ayat [كَانَ فَعَلَ]

Struktur Ayat	Komponen Makna Tatabahasa	Padanan dalam Bahasa Melayu	Jenis Padanan
كَانَ فَعَلَ	+ kala lampau, - kala kini + terputus, - berterusan + jauh, - dekat	pernah, telah + pernah	kata bantu aspek (sudah dilakukan)

Dalam Jadual 1 di atas memperlihatkan pembentukan makna tatabahasa dalam struktur ayat [كَانَ فَعَلَ] yang mempunyai padanan fungsi dan makna dengan kata bantu aspek *pernah*. Justeru itu, ayat BM *Saya pernah melihat orang itu* boleh dinyatakan padanan yang sesuai dalam ayat BA menggunakan KKK sebagai [كُنْتُ رَأَيْتُ الشَّخْصَ].

ii. KKK + PFK Kala Kini

Pola FKK ini membawa maksud kata kerja masa lampau yang diperbaharui dan menjadi kebiasaan (al-Sāmirrā'ī, 2003). Hal ini terjadi sekiranya PFK bagi KKK merupakan KK kala kini. Terdapat dua jenis makna dalam situasi ini, iaitu:

- a. Kata kerja masa lampau yang berkesinambungan. Hal ini berlaku serentak dan berkesinambungan pada waktu kejadian yang lain. Sebagai contoh:

كُنْتُ أَقْرَأُ فِي كِتَابِي فَجَاءَنِي خَالِدٌ.

Glos: Telah saya sedang membaca buku lalu telah datang kepada saya Khalid.

Makna: Ketika saya sedang membaca buku, Khalid pun datang kepada saya.
 Ketika saya baru membaca buku, Khalid pun datang kepada saya.

Hal ini menunjukkan peristiwa membaca buku yang saya lakukan berlaku serentak dan berkesinambungan dengan waktu kejadian kedatangan Khalid. Oleh itu, ayat tersebut di atas [كُنْتُ أَقْرَأُ فِي كِتَابِي] membawa maksud, *Saya sedang membaca buku ketika Khalid datang kepada saya*. Struktur ini sama dengan *Past Continuous* dalam bahasa Inggeris iaitu ayat *He was reading* bersamaan dengan ayat [كَانَ يَفْعَلُ] (Rashīd, 2008). Berdasarkan pendapat Hasan (2009), struktur [كَانَ يَفْعَلُ] ini menunjukkan makna kala lampau dan baru. Di samping itu, pola [يَفْعَلُ] menunjukkan kala kini dan kala akan datang.

Padanan KKK dalam ayat di atas mengandungi dua set komponen makna; yakni mengandungi fitur [+kala lampau, + kala kini] dan [+ berterusan, - terputus] atau [+ kala lampau, + kala kini] dan [+ diperbaharui]. Oleh itu, dicadangkan padanan bagi KKK set pertama ialah kata bantu aspek *sedang*. *Sedang* ialah kata bantu aspek yang menimbulkan suasana perbezaan masa dan tidak menekankan perbuatan mana yang hendak didahulukan (Haji Omar, 2008). Oleh itu, maksud ayat untuk set pertama lebih sesuai dinyatakan sebagai *Ketika saya sedang membaca buku, Khalid pun datang kepada saya*.

Sementara itu, padanan KKK untuk komponen set kedua mempunyai maksud kata bantu aspek *baru*. Kata *baru* sebagai kata bantu digunakan dalam konteks *baru datang, baru kelihatan, baru sedar* dan sebagainya. Padanan bahasa Inggerisnya ialah *just*. Lantaran itu, maksud ayat untuk komponen set kedua lebih sesuai dinyatakan sebagai *Ketika saya baru membaca buku, Khalid pun datang kepada saya*.

- b. Kata kerja masa lampau yang menjadi kebiasaan. Hal ini menunjukkan kebiasaan pada masa lampau. Sebagai contoh:

كَانَ زَيْدٌ يَفْعَلُ هَذَا الْأَمْرَ.

Glos : Telah Zaid sedang melakukan perkara ini.

Makna : Zaid selalu / sering melakukan perkara ini.

Penggunaan KKK dalam ayat tersebut menunjukan pelaku biasa melakukan kata kerja tersebut. Ayat tersebut di atas membawa maksud; *Zaid selalu / sering melakukan perkara ini*. Struktur ini menunjukkan makna masa lampau yang berterusan iaitu peristiwa atau kejadian yang berlaku berterusan pada masa lampau. Makna masa lampau dihasilkan oleh KKK, manakala makna berterusan terhasil daripada PFK kala kini. Maksud struktur [كَانَ يَفْعَلُ] ialah kata kerja itu berlaku pada masa lampau bukan sekali tetapi secara berterusan berulang

kali. Sebagai contoh, ayat [كَانَ يُعْمَلُ اللَّيْلَ]. Ayat ini membawa padanan maksud *Dia sering bangun malam*. Oleh hal yang demikian, pola stuktur [كَانَ يُفْعَلُ] seharusnya menggunakan kata kerja yang memerlukan waktu dan masa dalam pelaksanaan berdasarkan kriteria kata kerja tersebut. Sebagai contoh, ayat [كَانَ الصَّارُوخُ يَنْطَلِقُ] (Peluru berpandu itu telah dilepaskan) kurang sesuai kerana pelepasan peluru berpandu tidak memerlukan waktu yang panjang (Rashīd, 2008). Ayat BA yang sesuai dengan padanan makna tersebut ialah ayat [انْطَلَقَ الصَّارُوخُ], iaitu tanpa melibatkan KKK.

Oleh hal yang demikian, apabila kita melakukan proses analisis komponen makna, padanan kata kerja [كان] dalam ayat [كَانَ زَيْدٌ يَفْعَلُ هَذَا الْأَمْرَ] mengandungi fitur [+ kala lampau, + kala kini], [+ berterusan, - terputus] dan [+ berulang, - sekali]. Dengan ini dicadangkan padanan bagi KKK ialah kata bantu adverba *selalu* dan *sering kali*. Berdasarkan pendapat Haji Omar (2008) kata adverba merupakan kata yang memberi keterangan kepada kata kerja dalam predikat. Keterangan yang dimaksudkan ialah keterangan dari segi masa atau tempat sesuatu perbuatan itu berlaku, gaya dan cara berlakunya, dan seterusnya. *Selalu* dan *sering* tergolong dalam kata adverba yang memberi keterangan dari segi masa. Menurut *Kamus Dewan* (2005), perkataan *selalu* bermaksud sentiasa, selamanya, sepanjang masa dan kerap benar, acap kali. Manakala perkataan *sering* bermaksud kerap kali, acap kali, selalu. Oleh itu, maksud ayat [كَانَ زَيْدٌ يَفْعَلُ هَذَا الْأَمْرَ] lebih sesuai dinyatakan sebagai *Zaid selalu / sering melakukan perkara ini*.

Jadual 2. Pembentukan Makna Tatabahasa Dalam Struktur Ayat [كَانَ يُفْعَلُ]

Struktur	Komponen Makna Tatabahasa	Padanan dalam Bahasa Melayu	Jenis Padanan
	+ kala lampau, + kala kini + berterusan, - terputus	sedang	kata bantu aspek (sedang dilakukan)
كَانَ يُفْعَلُ	+ kala lampau, + kala kini + diperbaharui	baru	kata bantu aspek (sudah dilakukan)
	+ kala lampau, + kala kini + berterusan, - terputus + berulang, - sekali	selalu, sering	kata adverba

Dalam Jadual 2 di atas memperlihatkan pembentukan makna tatabahasa dalam struktur ayat [كَانَ يُفْعَلُ] yang mempunyai padanan fungsi dan makna dengan kata bantu aspek *sedang* dan *pernah* atau kata adverba *selalu* dan *sering*. Justeru itu, ayat BM *Ketika ibu sedang memasak nasi, ayah pun tiba* atau ayat *Ketika ibu baru memasak nasi, ayah pun tiba* boleh dinyatakan padanan yang sesuai dalam ayat BA menggunakan KKK sebagai [كَانَتْ الْأُمُّ تَطْبِخُ الْأُرْزَّ فَوَصَلَ الْأَبَ]. Manakala, ayat BM *Kami selalu memperkatakan hal itu* boleh disesuaikan dengan padanan dalam ayat BA menggunakan KKK sebagai [كُنَّا نَتَحَدَّثُ عَنِ الْأَمْرِ].

iii. KKK + PFK Kala Kini + partikel _____.

Pola FKK ini bermaksud kata kerja yang *dijangka* berlaku pada masa lampau (al-Sāmīrā'ī, 2003). Keadaan ini terjadi sekiranya PFK bagi KKK merupakan KK kala kini dan partikel _____ . Sebagai contoh:

كَانَ مُحَمَّدٌ سَيَفْعَلُ هَذَا.

- Glos : Telah Muhammad akan melakukan perkara ini.
 Makna : Muhammad dahulu mungkin melakukan perkara ini.
 Muhammad dahulu hendak/mahu melakukan perkara ini.

Penggunaan KKK dalam situasi ini menunjukkan Muhammad dijangka melakukan perkara tersebut pada masa lampau atau dia berniat untuk melakukan perbuatan itu pada masa lampau. Lantaran itu, maksud ayat di atas ialah *Muhammad dahulu dijangka melakukan perkara ini* atau *Muhammad dahulu berhasrat melakukan perkara ini*.

Padanan KKK dalam ayat di atas mengandungi dua set komponen makna; iaitu mengandungi fitur [+kala lampau, +kala kini] dan [+ dijangka] atau [+kala lampau, -kala kini] dan [+berniat]. Oleh itu, dicadangkan padanan bagi KKK set pertama ialah kata adverba *dahulu* dan kata bantu ragam *mungkin*. Kata bantu ragam ialah bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan, seperti *hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat, enggan, patut* dan *mungkin*. Kata ini mementingkan “tujuan”, “niat” dan sebagainya (Haji Omar, 2008). Apabila dirujuk pada *Kamus Dewan* (2005), makna kata bantu ragam *mungkin* membawa maksud *tidak mustahil, boleh jadi, harus*. Kata *mungkin* itu sendiri jelas membawa makna “kemungkinan”. Kata ini berasal daripada BA *mungkin*, yang bermakna “boleh berlaku dan juga boleh tidak berlaku” bergantung pada keadaan (Haji Omar, 2008). Oleh itu, maksud ayat [*كَانَ مُحَمَّدٌ هَذَا سَيَفْعَلُ*] untuk set pertama lebih sesuai dinyatakan sebagai *Muhammad dahulu mungkin melakukan perkara ini*.

Sementara itu, padanan KKK untuk komponen set kedua mempunyai maksud kata adverba *dahulu* dan kata bantu ragam *hendak* dan *mahu*. Menurut *Kamus Dewan* (2005) kata bantu *hendak* bermaksud *akan; mahu akan* dan bersinonim dengan *mahu, ingin, berhasrat, berhajat, bercita-cita, berangan-angan*. Lazimnya, *mahu* dan *hendak* boleh bertukar ganti, *misalnya mahu makan sekarang, hendak makan sekarang* (Haji Omar, 2008). Lantaran itu, maksud ayat [*كَانَ مُحَمَّدٌ سَيَفْعَلُ هَذَا*] untuk komponen set kedua lebih sesuai dinyatakan sebagai *Muhammad dahulu hendak melakukan perkara ini* atau *Muhammad dahulu mahu melakukan perkara ini*.

Jadual 3: Pembentukan Makna Tatabahasa Dalam Struktur Ayat [*كَانَ سَيَفْعَلُ*]

Struktur Ayat	Komponen Makna Tatabahasa	Padanan dalam Bahasa Melayu	Jenis Padanan
<i> كَانَ سَيَفْعَلُ</i>	+ kala lampau, + kala kini + dijangka	dahulu	kata adverba
		mungkin	kata bantu ragam
	+ kala lampau, + kala kini + berniat	dahulu	kata adverba
		hendak, mahu	kata bantu ragam

Dalam Jadual 3 di atas memperlihatkan pembentukan makna tatabahasa dalam struktur ayat [*كَانَ سَيَفْعَلُ*] yang mempunyai padanan fungsi dan makna dengan kata bantu adverba *dahulu* dan kata bantu ragam *mungkin* atau *hendak* dan *mahu*. Justeru itu, ayat BM *Mereka dahulu mungkin lambat sedikit* boleh dinyatakan padanan yang sesuai dalam ayat BA menggunakan KKK sebagai [*كَانُوا سَيَتَأَخَّرُونَ قَلِيلًا*]. Manakala, ayat BM *Kanak-kanak itu dahulu hendak masuk ke bilik* boleh disesuaikan dengan padanan dalam ayat BA menggunakan KKK sebagai [*كَانَ الطِّفْلُ سَيَدْخُلُ الْعُرْفَةَ*].

5. Kesimpulan

Hasil kajian ini memberi maklumat yang penting kepada para pelajar BA untuk memahami makna struktur ayat KKK dengan tepat dan betul. Kajian ini juga mampu membantu para penterjemahan dalam proses penterjemahan agar tidak mencacatkan mutu terjemahan. Hal ini kerana tatabahasa mempunyai makna. Apabila tatabahasanya salah, makna ayat akan salah.

Hasil kajian ini juga membuktikan padanan yang sesuai bagi makna tatabahasa yang wujud tersebut dalam struktur ayat BM ialah kata tugas yang terdiri daripada kata bantu aspek, kata bantu ragam dan kata adverba. Oleh hal yang demikian, para penterjemah perlu mempertimbang makna tatabahasa ini dalam proses penterjemahan agar padanan makna yang dihasilkan itu tepat dan betul.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, struktur ayat BA [كَانَ فَعَلَ] mempunyai padanan fungsi dan makna tatabahasa yang sama kata bantu aspek *pernah* dalam ayat BM. Manakala struktur ayat BA [كَانَ يَفْعَلُ] memperlihatkan pembentukan makna tatabahasa yang mempunyai padanan fungsi dan makna dengan kata bantu aspek *sedang* dan *pernah* atau kata adverba *selalu* dan *sering* dalam ayat BM. Sementara struktur ayat BA [كَانَ سَيَفْعَلُ] pula mempunyai padanan fungsi dan makna tatabahasa dengan kata adverba *dahulu* dan kata bantu ragam *mungkin* atau *hendak* dan *mahu* dalam ayat BM.

Kajian ini turut membuktikan makna tatabahasa dapat dipindahkan daripada satu bahasa kepada bahasa lain melalui pelbagai cara melalui unsur tatabahasa. Elemen tatabahasa yang dapat mempengaruhi makna perlu diberikan perhatian khusus khususnya dalam proses mencari padanan makna yang sesuai dan betul. Hal ini demikian kerana makna tatabahasa yang ada dapat memberikan kesan yang signifikan dalam penyampaian semula mesej daripada teks sumber kepada teks sasaran.

Rujukan

- ‘Abd al-Wahīd, A. (1997). *Asbāb al-Nuzūl*. Dammam, Arab Saudi: Dar al-Islah.
- ‘Umar, A. H. (2011). *Memahami teks Arab: sebuah pengantar*. <http://elhasib.wordpress.com/2011/09/11/memahami-teks-arab-sebuah-pengantar/#more-26>.
- Abdul Ghani, K. (2010). *Kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. (Tesis PhD, Universiti Malaya).
- Abdul Manaf, M. F, Hussin Md. N. & Ahmad, M. (2018). Penterjemahan Arab Melayu bagi kata kerja berimbuhan istaf’ala dalam Surah Al-Baqarah. *Jurnal Pengajian Islam*, 11 (1), 75-93.
- Abdul Manaf, M. F, Shamsul Kamar, M. Z, Mohamad, M. R & Hussin, M. N. (2020). Kesepadanan fungsi terjemahan derivasi tafā’ala dalam Surah al-Baqarah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 211-225.
- Abdul Razak, Z. R & Mohammed Ali, M. (2014). Perbezaan di antara kata kerja berimbuhan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 18 (1), 35-47.
- Abdul Wahid, P. R. (2012). *Meneroka penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Badī Ya’qūb, I. (1982). *Fiqh al-lughā al-‘Arabiyya wa khaṣā’iṣuhā*. Beirut: Dar al-‘Ilm Li al-Malāyīn.
- Baharom, N., et al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fachruzi, R. P. (2016). Penggunaan fungsi harf Lam dalam Surat Ali-Imran. *Journal of Arabic Learning and Teaching*. Lisanul Arab 5 (1).
- al-Ghalāyīnī, M. (1993). *Jāmi‘ al-Durūs al-‘Arabiyya*. Beirut: al-Maktaba al-‘Asriyya.
- Goh, S. S. (2011). Penterjemahan kata kerja bahasa Cina-bahasa Melayu: satu analisis ketepatan makna padanan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11 (1), 35–56.
- Goh, S. S. (2014). Kaedah penterjemahan kata sendi bahasa Cina-bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 246–248.
- Haji Omar, A. (2008). *Nahu kemas kini*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Halim, H. A., & Hoon, A. L. (2015). Kesalahan pemilihan dan pembentukan kata dalam terjemahan bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(2), 151–164.
- al-Ḥamlāwī, A. M. A. (2003). *Shadha al-‘Arf fi ‘Ilm al-Ṣarf*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Haroon, H. & Che Omar, H. (2016). Kata bantu ragam dalam terjemahan Inggeris-Melayu. *Jurnal Bahasa*, Jilid 16, Bil. 2, Disember 2016, 191-212.
- Hassan, A & Mohd, A. (2001). *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hassan, A. (1984). *Linguistik Am untuk guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hassan, T. (2009). *al-Lughat al-‘Arabiyyat, Mabnāhā wa Ma‘nāhā*. Kaherah: ‘Ālam al-Kutub.
- Hussein, I. (1981). *Sejarah pertumbuhan bahasa kebangsaan kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibn ‘Aqīl, A. (2004). *Sharḥ Ibn ‘Aqīl*. Kaherah: Dār al-Talā‘i‘.

- Ibrahim, I. (1990). Dirāsa taqābuliyya bayna al-lughatayn al-‘Arabiyya wa al-Māliziyya ‘alā mustawā al-tarākīb. *Nadwat Taṭwīr Ta‘līm al-Lughat al-‘Arabiyyat fī Māliziyyā*. Anjuran UIAM dan Kementerian Pendidikan Malaysia. 25-28 Ogos.
- Ismail, M. R. (2003). *Bahasa Arab mikro; binaan kata & fungsi makna*. Kota Bharu: Arabic Language & Consultancy.
- Jennica, C. A. A. & Goh, S. S. (2017). Kaedah penterjemahan kata abstrak ‘Yuqi Zhuci Tipikal’ ke dalam Bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17 (3), 120–136.
- al-Jurjānī, A. Q. (1992). *Dalā’il al-I’jāz*. Kaherah: Maṭba‘a al-Madaniyy.
- Karim, N. S., M. Onn, F., Hj. Musa, H. & Mahmood, A. H. (2008). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1991). *Teori semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nordin, N. (2006). *Penguasaan kemahiran membaca dalam Bahasa Arab: satu kajian kes*. (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya).
- Mohd Sa’ad, M. L. I. H., Haji Maming, P. & Zainon Hamzah, Z. A. (2014). Kepelbagaian terjemahan preposisi Arab dan fungsinya dalam bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 18 (2), 67-78.
- Mohd. Tobi, S. U. (2017). *Kajian kualitatif dan analisa temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Mohd. Yusoff, M. A. (1999). Makna kata kerja dalam binaan ayat: satu analisis. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 43, Bil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad, I & Che Mat, A. (2010). Memaknakan terjemahan frasa sendi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu berdasarkan ilmu sintaksis-semantik. *Islamiyyat*, 32, 115–134.
- Musanif, A. M. (1999). Semantik dan tatabahasa. *Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu*, Bil: 1, Mei 1999, 17-30.
- Musanif, A. M. (2001). Ayat: analisis makna dan kebenaran. *Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu*, Bil: 5, Mei 2001, 27-34.
- Mustapha, N. F. (2011). *Istirātiyyāt al-qirā’at ladā ṭalabat al-lughat al-‘Arabiyyat*. (Tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).
- Nathesan, S. (1997). Semantik dalam Bahasa Melayu: satu pandangan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Edisi Jun 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan, S. (2001). *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. New York: Prentice Hall.
- Nida, A. E. (1975). *Componential analysis of meaning*. New York: Mouton Publishers.
- Nida, A. E. (1996). *Menerokai struktur semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Ab Kadir, N. H. B. (2003). *Teori bahasa: implikasinya terhadap pengajaran tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- al-Rājihī, A. (2008). *al-Taṭbīq al-Naḥwiyy*. Beirut: Dār al-Nahḍat al-‘Arabiyyat.
- Rashīd, K. (2008). *al-Zaman al-Naḥwiyy Fī al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Amman, Jordan: Dar ‘Ālam al-Ṭḥaqāfaṭ.
- al-Sāmīrā’ī, F. S. (2003). *Ma‘ānī al-Naḥw*. Jil. 1. Amman, Jordan: Dār al-Fikr.
- Sjahrony, K. & Ahmad, M. (2013). Penterjemahan frasa al-Idafah Arab-Melayu menggunakan Google Translate. *Islamiyyat The International Journal of Islamic Studies*, 35 (2), 101-108.
- Sulaiman, M. H. (2011). *Penguasaan kemahiran penterjemahan perkataan Arab berimbunan di kalangan pelajar IPTA*. (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya).
- al-Suyūfī, J. D. (1998). *Ham‘ al-Hawāmi‘ fī Sharḥ Jam‘ al-Jawāmi‘*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Wahab, A. (1983). Kesalahan dalam penggunaan ayat dan frasa. *Jurnal Dewan Bahasa*. Edisi Julai. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Waryanto, T. (2012). Korelasi partikel ب/ Bi/ dengan verba dan nomina Bahasa Arab (tinjauan sintaksis dan semantik). *Students e-Journals*, 1 (1).